

## PROSPEKTUS TAMBAHAN

Dokumen ini adalah Prospektus Tambahan dan hendaklah dibaca bersama dengan prospektus asal bertarikh 18 Jun 2017 ("**Prospektus Asal**").

Melainkan dinyatakan sebaliknya, takrif yang digunakan dalam Prospektus Asal akan terpakai di sini.

Para Pengarah kami dan Promoter telah melihat dan meluluskan Prospektus Tambahan ini. Mereka secara kolektif dan individu menerima tanggungjawab sepenuhnya atas ketepatan maklumat yang terkandung dalam Prospektus Tambahan ini. Setelah membuat semua pertanyaan yang munasabah, dan dengan pengetahuan dan kepercayaan mereka yang terbaik, mereka mengesahkan tiada kenyataan palsu atau mengelirukan atau fakta lain yang jika ditinggalkan, akan membuat sebarang kenyataan dalam Prospektus Tambahan ini palsu atau mengelirukan.

Prospektus Tambahan ini telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("**SC**"). Pendaftaran Prospektus Tambahan ini tidak boleh diambil sebagai petunjuk bahawa SC mengesyorkan Penawaran kami atau bertanggungjawab bagi ketepatan mana-mana kenyataan yang dibuat, pandangan yang dinyatakan atau laporan yang terkandung dalam Prospektus Tambahan. SC tidak dalam apa-apa cara, menimbangkan merit Saham Terbitan kami yang ditawarkan untuk langganan.

SC tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa ketidakdedahan dalam Prospektus Tambahan ini dan tidak akan bertanggungjawab terhadap kandungan Prospektus Tambahan ini, tidak membuat representasi berhubung dengan ketepatan dan kecukupannya, dan secara nyata menafikan sebarang liabiliti bagi apa-apa kerugian yang anda mungkin alami yang timbul daripada atau dalam kebergantungan ke atas keseluruhan atau mana-mana bahagian yang terkandung dalam Prospektus Tambahan ini.



**LARKIN SENTRAL PROPERTY BERHAD**

(No. Syarikat 352041-A)

(Diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat, 1965 dan dianggap didaftarkan di bawah Akta Syarikat, 2016)



setiap wakaf menjana kebaikan

**PROSPEKTUS TAMBAHAN INI HENDAKLAH DIBACA BERSAMA PROSPEKTUS ASAL BERKAITAN PENAWARAN WAKAF SAHAM MELIBATKAN SEHINGGA 850 JUTA SAHAM BIASA BARU DALAM LARKIN SENTRAL PROPERTY BERHAD ("SAHAM TERBITAN") KEPADA INSTITUSI-INSTITUSI DAN INDIVIDU-INDIVIDU PADA HARGA LANGGANAN SEBANYAK RM0.10 SETIAP SAHAM TERBITAN YANG KEMUDIANNYA DIBERIKAN (MELALUI WAKAF) KEPADA WAQAF AN-NUR CORPORATION BERHAD**

**Penasihat Utama**



Maybank Investment Bank Berhad (15938-H)

(Sebuah Organisasi Bursa Malaysia Securities Berhad yang Mengambil Bahagian)

**ANDA ADALAH DINASIHATKAN UNTUK MEMBACA DAN MEMAHAMI KANDUNGAN PROSPEKTUS TAMBAHAN INI BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS ASAL. SEKIRANYA RAGU-RAGU, SILA HUBUNGI PENASIHAT PROFESIONAL.**

**PROSPEKTUS TAMBAHAN INI TIDAK AKAN DIEDARKAN DI LUAR NEGARA.**

**TIADA SEKURITI AKAN DIPERUNTUKKAN ATAU DIKELUARKAN BERDASARKAN PROSPEKTUS ASAL SELEPAS 24 BULAN DARIPADA TARIKH PENGELUARAN PROSPEKTUS ASAL DAN TIADA SEKURITI AKAN DIBERIKAN ATAU DIKELUARKAN SATU BULAN SELEPAS TARIKH TUTUP LANJUTAN.**

**DOKUMEN INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN DAN HENDAKLAH DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS ASAL BERTARIKH 18 JUN 2017****DEFINISI**

Melainkan dinyatakan sebaliknya, takrif yang digunakan dalam Prospektus Asal hendaklah terpakai di dalamnya.

<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1. TUJUAN	1
2. LANJUTAN TEMPOH LANGGANAN	2
3. TAMBAHAN ORANG AWAM ASING UNTUK TURUT SERTA DALAM PENAWARAN	2
4. TAMBAHAN KAD DEBIT SEBAGAI SALAH SATU CARA UNTUK MELENGKAPKAN BAYARAN	3
5. TAMBAHAN TATACARA LANGGANAN	4
6. MAKLUMAT PENTING	7
7. PERUBAHAN MATERIAL	8
8. KEBENARAN	8
9. DOKUMEN-DOKUMEN TERSEDIA UNTUK PEMERIKSAAN	8
10. PENYATA-PENYATA TANGGUNGJAWAB	8

**DOKUMEN INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN DAN HENDAKLAH DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS ASAL BERTARIKH 18 JUN 2017**



**LARKIN SENTRAL PROPERTY BERHAD**

*(No. Syarikat 352041-A)*

*(Diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat, 1965 dan dianggap telah didaftarkan di bawah Akta Syarikat, 2016)*

**Pejabat Berdaftar:**

Level 11, Menara KOMTAR  
Johor Bahru City Centre  
80000 Johor Bahru  
Johor, Malaysia

17 Mei 2018

**Para Pengarah:**

Lukman Bin Abu Bakar *(Pengerusi/Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif)*  
Jamaludin Bin Md Ali *(Naib Pengerusi/Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif)*  
Dato' Ismail Bin Karim *(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)*  
Datuk Mohamed Azahari Bin Mohamed Kamil *(Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif)*  
Datin Seri Ruzaina Binti Wan Haniff *(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)*  
Ibrahim Bin Abdul Samad *(Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif)*  
Norishah Binti Mohd Seth *(Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif)*  
Aziah Binti Ahmad *(Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif)*

**Kepada: Pemegang saham sedia ada Larkin Sentral Property, para pelanggan dan bakal pelanggan berhubung dengan Penawaran kami.**

Tuan/Puan,

**PROSPEKTUS TAMBAHAN KEPADA PROSPEKTUS ASAL BERTARIKH 18 JUN 2017 BERHUBUNG DENGAN PENAWARAN KAMI**

---

**1. TUJUAN**

Tujuan Prospektus Tambahan ini adalah untuk memaklumkan para pelanggan dan bakal pelanggan berhubung dengan perkara-perkara seperti yang dijelaskan di bawah:

- i) lanjutan Tempoh Langganan;
- ii) kemasukan warganegara bukan Malaysia, syarikat dan institusi asing ("**Orang Awam Asing**") untuk mengambil bahagian dalam Penawaran;
- iii) penambahan kad debit sebagai salah satu cara untuk melengkapkan bayaran dan dokumen untuk disertakan bersama Borang Langganan (seperti ditakrif); dan
- iv) tambahan tatacara langganan.

**DOKUMEN INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN DAN HENDAKLAH DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS ASAL BERTARIKH 18 JUN 2017**

## **2. LANJUTAN TEMPOH LANGGANAN**

Pada 17 Mei 2018, Lembaga telah mengumumkan dengan cara pengiklanan bahawa waktu dan tarikh penutupan Penawaran kami telah dilanjutkan sehingga 5.00 petang pada 17 Mei 2019 ("**Tarikh Tutup Lanjutan**").

Keputusan untuk melanjutkan Tempoh Langganan telah dibuat setelah mengambil kira jumlah hasil langganan yang telah dicapai sehingga kini berbanding dengan sasaran langganan sebanyak RM85.0 juta.

Pada 16 Mei 2018, pelepasan telah diperolehi daripada SC untuk mengubah Seksyen 14.1(i) Prospektus Asal. Oleh itu, bagi tujuan Penawaran kami, tiada sekuriti akan diperuntukkan atau dikeluarkan berdasarkan Prospektus Asal selepas 24 bulan daripada tarikh terbitan Prospektus Asal dan tiada sekuriti akan diperuntukkan atau dikeluarkan sebulan selepas Tarikh Tutup Lanjutan.

**UNTUK MENGELAKKAN KERAGUAN, PENAWARAN KAMI TIDAK DIBATALKAN ATAU DITARIK BALIK. INI ADALAH HANYA LANJUTAN TEMPOH LANGGANAN. SELAIN DARIPADA LANJUTAN TEMPOH LANGGANAN DAN PERKARA-PERKARA YANG DIKETENGAHKAN DALAM PROSPEKTUS TAMBAHAN INI, SEMUA MAKLUMAT LAIN, TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT PENAWARAN KAMI TIDAK BERUBAH.**

### **2.1 Borang Langganan baru untuk Penawaran kami**

Selaras dengan lanjutan Tarikh Tutup Lanjutan, Borang Langganan baru telah dikeluarkan bagi mengiringi Prospektus Tambahan ini.

Borang Langganan baru dibezakan dengan Borang Langganan asal yang telah dikeluarkan bersama dengan Prospektus Asal ("**Borang Langganan Asal**") dengan kotak berwarna merah di bahagian atas borang.

## **3. TAMBAHAN ORANG AWAM ASING UNTUK TURUT SERTA DALAM PENAWARAN**

### **3.1 Tatacara untuk langganan oleh Orang Awam Asing**

Langganan oleh Orang Awam Asing hendaklah dibuat berhubung dengan dan tertakluk kepada terma-terma Prospektus Asal, Prospektus Tambahan ini dan Perlembagaan kami.

Orang Awam Asing hanya boleh melanggan Saham Terbitan sekiranya syarat-syarat berikut dipenuhi:

- (i) Orang Awam Asing adalah satu (1) daripada yang berikut:
  - (a) seorang warganegara asing yang berumur sekurang-kurangnya 18 tahun pada tarikh langganan anda dengan atau tanpa alamat Malaysia; atau
  - (b) suatu perbadanan yang diperbadankan di luar Malaysia;
- (ii) Orang Awam Asing mesti menerima Prospektus Asal, Prospektus Tambahan ini bersama-sama dengan Borang Langganan baru di Malaysia; dan
- (iii) langganan oleh Orang Awam Asing mestilah dibuat di Malaysia melalui Borang Langganan baru yang disediakan atau Langganan Saham Internet sahaja.

**DOKUMEN INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN DAN HENDAKLAH DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS ASAL BERTARIKH 18 JUN 2017**

**BAGI MENGELAKKAN KERAGUAN, POTONGAN CUKAI SEBANYAK 7% DAN 10% KE ATAS PENDAPATAN AGREGAT BAGI INDIVIDU DAN PERBADANAN, MASING-MASING, ADALAH TIDAK TERTAKLUK KEPADA ORANG AWAM ASING.**

**3.2 Orang Awam Asing adalah tertakluk kepada undang-undang bidang kuasa asing**

Prospektus Asal dan Prospektus Tambahan ini (secara kolektif dirujuk sebagai "**Prospektus**") dan Borang Langganan baru belum (dan tidak akan) dibuat untuk mematuhi undang-undang mana-mana Negara atau bidang kuasa asing dan belum (dan tidak akan), diserahkan, disimpan, didaftarkan atau diluluskan di bawah mana-mana sekuriti yang berkaitan atau yang setaraf (atau dengan atau oleh mana-mana pihak berkuasa kawal selia atau badan lain yang berkaitan) dari mana-mana bidang kuasa selain daripada Malaysia.

Prospektus tidak bertujuan untuk (dan tidak akan) dikeluarkan, diedarkan atau diagihkan dan Saham Terbitan tidak akan dibuat dan ditawarkan atau dianggap dibuat atau ditawarkan untuk pembelian atau langganan, di mana-mana negara atau bidang kuasa selain Malaysia atau untuk orang yang mungkin atau mungkin tertakluk kepada undang-undang mana-mana negara atau bidang kuasa selain daripada undang-undang Malaysia. Tawaran kami hanya tersedia untuk orang yang menerima Prospektus secara elektronik atau selainnya di Malaysia.

Oleh sebab itu, Prospektus belum (dan tidak akan) dihantar ke Orang Awam Asing. Walau bagaimanapun, Orang Awam Asing boleh mendapatkan Prospektus dari pejabat Syarikat kami dan cawangan Malayan Banking Berhad yang terpilih. Sila rujuk Seksyen 15.9 Prospektus Asal untuk senarai lengkap lokasi di mana anda boleh mendapatkan salinan Prospektus.

Syarikat kami akan menganggap bahawa Saham Terbitan yang dilanggan oleh anda akan mematuhi terma dan syarat Penawaran kami dan tidak akan melanggar undang-undang mana-mana bidang kuasa. Syarikat kami akan mengandaikan bahawa anda telah melanggan Saham Terbitan di Malaysia dan pada setiap masa terpakai tertakluk kepada undang-undang Malaysia.

**ORANG AWAM ASING YANG MENERIMA PROSPEKTUS TIDAK BOLEH, BERKAITAN DENGAN PENAWARAN KAMI, MENGEDARKAN ATAU MENGHANTAR PROSPEKTUS KE DALAM MANA-MANA BIDANG KUASA, DI MANA SEKIRANYA BERBUAT DEMIKIAN AKAN ATAU MUNGKIN MELANGGAR SEKURITI TEMPATAN, KAWALAN PERTUKARAN, ATAU UNDANG-UNDANG ATAU PERATURAN YANG BERKAITAN.**

**ORANG AWAM ASING YANG MEMILIKI PROSPEKTUS DINASIHATKAN UNTUK MEMAKLUMKAN DIRI MEREKA, DAN MEMATUHI APA-APA KEHENDAK UNDANG-UNDANG YANG TERPAKAI KEPADANYA. TIADA ORANG ASING DI MANA-MANA KAWASAN DI LUAR MALAYSIA YANG MENERIMA PROSPEKTUS ITU HARUS MENGANGGAP INI SEBAGAI TAWARAN, JEMPUTAN, ATAU PERMINTAAN UNTUK MELANGGAN MANA-MANA SAHAM TERBITAN, MELAINKAN JIKA TAWARAN, JEMPUTAN, ATAU PERMOHONAN ITU BOLEH DIBUAT DENGAN SAH, TANPA PEMATUHAN APA-APA PENDAFTARAN ATAU LAIN-LAIN PERATURAN, ATAU UNDANG-UNDANG DI KAWASAN TERSEBUT.**

**4. TAMBAHAN KAD DEBIT SEBAGAI SALAH SATU CARA UNTUK MELENGKAPKAN BAYARAN**

Lanjutan kepada senarai dokumen bagi melengkapi bayaran untuk disertakan bersama dengan Borang Langganan seperti yang diperincikan dalam Seksyen 15.2 Prospektus Asal dan tambahan kepada cara bayaran yang tersenarai dalam Langkah 4, Seksyen 15.4 Prospektus Asal, anda juga boleh membuat pembayaran melalui kad debit dengan langkah-langkah seperti berikut:

**DOKUMEN INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN DAN HENDAKLAH DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS ASAL BERTARIKH 18 JUN 2017**

- (a) masukkan kad debit anda ke dalam terminal kad debit dengan jumlah penuh yang perlu dibayar melalui kad debit dimasukkan;
- (b) masukkan nombor pin anda;
- (c) resit bayaran akan dikeluarkan kepada anda dan anda perlu memastikan bahawa resit pembayaran dan sesalinan dokumen pengenalan anda disertakan bersama dengan Borang Langganan baru; dan
- (d) lengkapkan Langkah 5 dan 6 seperti yang terperinci dalam Seksyen 15.4 Prospektus Asal.

Pembayaran melalui kad debit merupakan satu cara untuk memudahkan bakal pelanggan yang tidak mempunyai akses internet untuk melanggan Saham Terbitan. Sebarang caj transaksi yang timbul untuk melanggan Saham Terbitan melalui kad kredit akan ditanggung oleh Larkin Sentral Property.

## **5. TAMBAHAN TATACARA LANGGANAN**

Selain daripada tatacara yang dinyatakan di Seksyen 15.2 Prospektus Asal, langganan bagi Saham Terbitan juga boleh dilakukan melalui laman web Waqaf Saham Larkin Sentral seperti yang dinyatakan di bawah:

### **5.1 Langganan melalui laman web Waqaf Saham Larkin Sentral**

Anda boleh melanggan Saham Terbitan melalui laman web Waqaf Saham Larkin Sentral di <https://waqafsahamlarkin.com> dan bayaran bagi Saham Terbitan akan dilakukan melalui urusaniaga atas talian bagi urusaniaga proses kewangan ("FPX").

Anda harus mengikuti tatacara berikut untuk membuat langganan melalui laman web Waqaf Saham Larkin Sentral:

#### **Langkah 1: Penubuhan akaun**

Sebelum melanggan melalui laman web Waqaf Saham Larkin Sentral di <https://waqafsahamlarkin.com>, anda **mesti mempunyai semua** yang berikut:

- (i) akaun sedia ada dengan akses kepada perkhidmatan kewangan internet dengan mana-mana bank peserta FPX ("**Bank Peserta**") seperti berikut:
  - (a) Affin Bank Berhad;
  - (b) Alliance Bank Malaysia Berhad;
  - (c) Ambank (M) Berhad;
  - (d) Bank Islam Malaysia Berhad;
  - (e) Bank Kerjasama Rakyat (M) Berhad;
  - (f) Bank Muamalat Berhad;
  - (g) Bank Simpanan Nasional;
  - (h) CIMB Bank Berhad;
  - (i) Hong Leong Bank Berhad;
  - (j) HSBC Bank Malaysia Berhad;
  - (k) Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad;
  - (l) Malayan Banking Berhad;
  - (m) OCBC Bank (Malaysia) Berhad;
  - (n) Public Bank Berhad;
  - (o) RHB Bank Berhad;
  - (p) Standard Chartered (M) Berhad; atau

**DOKUMEN INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN DAN HENDAKLAH DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS ASAL BERTARIKH 18 JUN 2017**

- (q) United Overseas Bank (Malaysia) Bhd.
- (ii) pengenalan pengguna dan PIN/kata laluan anda untuk Bank Peserta.

**Langkah 2: Melayari laman web Waqaf Saham Larkin Sentral di <https://waqafsahamlarkin.com>**

**Langkah 3: Baca Prospektus Asal dan Prospektus Tambahan ini**

Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami Prospektus Asal dan Prospektus Tambahan ini sebelum membuat langganan anda.

**Langkah 4: Memohon melalui internet**

- (i) pergi ke bahagian laman web “Mari Berwakaf”;
- (ii) klik “Daftar”;
- (iii) pilih “Individu” atau “Syarikat atau Organisasi”;
- (iv) anda dikehendaki untuk mengesahkan dan mengaku janji bahawa penyata mandatori yang berikut adalah benar dan betul:
  - (a) anda sekurang-kurangnya telah mencapai usia 18 tahun pada tarikh langganan anda;
  - (b) anda adalah warganegara Malaysia yang menetap di Malaysia dan sekiranya anda merupakan Orang Awam Asing, anda berada di Malaysia pada tarikh langganan anda;
  - (c) anda memberi kebenaran nyata selaras dengan undang-undang Malaysia yang berkaitan (termasuk tetapi tidak terhad kepada Seksyen 134 Akta Perkhidmatan Kewangan, 2013 dan Seksyen 45 Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat), 1991) bagi pendedahan oleh Syarikat kami akan maklumat mengenai anda, Langganan Saham Internet yang dibuat oleh anda atau akaun anda dengan mana-mana Bank Peserta, kepada Rumah Terbitan dan/atau lain-lain pihak berkuasa berperaturan berkenaan;
  - (d) anda membenarkan Bank Peserta dimana anda mempunyai akaun untuk memotong jumlah penuh yang perlu dibayar bagi Saham Terbitan daripada akaun anda;
  - (e) anda bersetuju untuk melantik Promoter untuk melaksanakan Hujjah Wakaf bagi pihak anda;
  - (f) anda telah, sebelum membuat Langganan Saham Internet, menerima dan/atau telah mempunyai akses kepada salinan Prospektus Asal dan Prospektus Tambahan ini dalam bentuk cetakan atau elektronik, dimana kandungannya telah anda baca dan fahami;
  - (g) anda bersetuju dengan semua terma dan syarat Langganan Saham Internet sebagaimana dinyatakan dalam Prospektus Asal dan Prospektus Tambahan ini dan telah mempertimbangkan dengan berhati-hati kesemua maklumat yang terkandung dalam Prospektus Asal and Prospektus Tambahan ini, sebelum membuat Langganan Saham Internet;

**DOKUMEN INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN DAN HENDAKLAH DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS ASAL BERTARIKH 18 JUN 2017**

- (h) anda telah membaca notis penting pada pautan hiper, setelah membaca dan memahami terma-terma dan syarat-syarat tersebut sebelum mengemukakan Langganan Saham Internet anda; dan
- (i) anda memberi kebenaran kepada Syarikat kami dan Bank Peserta untuk mendedahkan dan memindahkan kepada mana-mana orang, termasuk mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau berperaturan dalam mana-mana bidang kuasa atau pihak-pihak berkaitan lain berhubung dengan Penawaran kami, semua maklumat berkaitan dengan anda sekiranya dikehendaki oleh mana-mana undang-undang, peraturan, perintah mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau berperaturan dalam mana-mana bidang kuasa atau sekiranya pendedahan dan pemindahan sedemikian adalah, pada pendapat munasabah Bank Peserta atau Syarikat kami, perlu bagi penyediaan perkhidmatan Langganan Saham Internet atau sekiranya pendedahan sedemikian diminta atau diperlukan berhubung dengan Penawaran. Selanjutnya, Syarikat kami akan mengambil langkah-langkah munasabah untuk melindungi kerahsiaan maklumat yang dikemukakan oleh anda kepada Syarikat kami berhubung dengan penggunaan perkhidmatan Langganan Saham Internet.

**Sila ambil perhatian bahawa mana-mana jumlah langganan yang kurang daripada RM100 atau RM100 ke atas tetapi bukan gandaan RM10 dan/atau dalam sen akan dianggap sebagai langganan ganjil manakala apa-apa jumlah langganan yang melebihi sasaran perolehan sebanyak RM85.0 juta akan dianggap sebagai lebihan langganan. Kesemua jumlah langganan lebihan dan ganjil TIDAK akan dipulangkan kepada anda dan akan disalurkan kepada Klinik Waqaf An-Nur bagi pihak anda dalam bentuk tunai sebagai Sedekah untuk tujuan amal.**

- (v) mendaftar dengan memasukkan e-mel, nama penuh, nombor pengenalan, pengenalan pengguna anda dan PIN/kata laluan;
- (vi) daftar masuk menggunakan pengenalan pengguna dan PIN/kata laluan yang telah ditetapkan;
- (vii) pergi ke bahagian laman web “Memohon Baru”;
- (viii) isi Borang Langganan dalam talian;
- (ix) klik “Hantar”;
- (x) Klik “Bayar Sekarang”;
- (xi) anda akan diarahkan ke portal pembayaran FPX dalam talian;
- (xii) pilih salah satu Bank Peserta ;
- (xiii) log masuk menggunakan nama pengguna dan kata laluan perbankan anda;
- (xiv) klik “Teruskan”;
- (xv) klik “Selesai” dan anda akan menerima pemberitahuan e-mel untuk melakukan urusan niaga melalui FPX; dan
- (xvi) klik “Papan Pemuka” untuk melihat sejarah dan status langganan anda.



**DOKUMEN INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN DAN HENDAKLAH DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS ASAL BERTARIKH 18 JUN 2017**

Jadual dibawah menunjukkan maklumat bayaran bagi langganan melalui laman web Waqaf Saham Larkin Sentral:

<u>Tatacara bayaran</u>	<u>Jumlah langganan yang perlu dibayar oleh pelanggan<sup>(1)</sup> (RM)</u>
-------------------------	--

**Langganan saham internet:**

Laman web Waqaf Saham Larkin Sentral melalui FPX	100.00
--	--------

**Nota:**

(1) Mengandaikan langganan minimum sebanyak RM100.

**6. MAKLUMAT TAMBAHAN**

**6.1 Lanjutan perjanjian jual beli bersyarat dengan JCorp bertarikh 17 Mac 2017 bagi pembelian Tanah ("Perjanjian Bersyarat")**

Kami telah menandatangani Perjanjian Bersyarat untuk membeli Tanah secara tunai sebanyak RM18.5 juta berdasarkan nilai pasaran Tanah sebagaimana yang ditentukan oleh Cheston International (Johor) Sdn Bhd sebagai penilai berdaftar bebas ("**Penilai Pendaftar Bebas**") yang dilantik oleh Syarikat kami bagi menilai Tanah, seperti sijil penilaian yang dilampirkan dalam Lampiran A di dalam Prospektus Asal.

Oleh kerana Tempoh Langganan akan dilanjutkan dan pembelian Tanah akan bergantung kepada perolehan yang dicapai, JCorp dan Syarikat kami telah menandatangani perjanjian tambahan pada 30 April 2018 untuk melanjutkan tempoh untuk memenuhi syarat-syarat terdahulu kepada Perjanjian Bersyarat tersebut kepada Tarikh Tutup Lanjutan ("**Perjanjian Tambahan**"). Tarikh kuatkuasa Perjanjian Tambahan adalah pada 16 Mac 2018, iaitu tarikh tamat tempoh untuk memenuhi syarat-syarat terdahulu Perjanjian Bersyarat.

Menurut Perjanjian Tambahan, balasan pembelian Tanah telah ditetapkan sebanyak RM19.8 juta menurut kelulusan bersyarat yang dikenakan melalui surat bertarikh 5 Julai 2017 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia ("**MOF**") berdasarkan penilaian yang dibuat oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta ("**JPPH**"). Memandangkan nilai Tanah menurut kelulusan bersyarat MOF adalah lebih tinggi daripada penilaian yang dijalankan oleh Penilai Pendaftar Bebas, perjanjian tambahan kedua bagi perjanjian jual beli bersyarat bertarikh 14 Mei 2018 yang ditandatangani oleh Promoter, JCorp dan Larkin Sentral Property ("**Perjanjian Tambahan Kedua**"), dimana Promoter telah bersetuju untuk membayar perbezaan sebanyak RM1.3 juta bagi pihak Larkin Sentral Property.

**6.2 Kemas kini bagi kerja-kerja naik taraf dan baik pulih**

Seperti yang telah dinyatakan di Seksyen 4.6 Propektus Asal, kami akan mengumumkan, dengan cara pengiklanan sebarang kemas kini bagi setiap fasa kerja-kerja naik taraf dan baik pulih, jumlah perolehan sepanjang Tempoh Langganan dan penggunaan perolehan atas dasar suku tahunan. Iklan terbaru yang telah dikeluarkan oleh Larkin Sentral Property setakat tarikh Prospektus Tambahan ini adalah pada 17 Mei 2018.

**DOKUMEN INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN DAN HENDAKLAH DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS ASAL BERTARIKH 18 JUN 2017**

**7. PERUBAHAN MATERIAL**

Para Pengarah kami dengan ini mengesahkan bahawa mereka tidak mengetahui sebarang perubahan material kepada Syarikat dan Penawaran kami sejak tarikh Prospektus Asal hingga tarikh Prospektus Tambahan ini selain daripada perkara-perkara yang dinyatakan dalam Prospektus Tambahan ini.

**8. PERSETUJUAN**

Perakuan bertulis Penasihat Utama, Penilai Pendaftar Bebas dan Rumah Terbitan kepada kemasukan nama-nama mereka dalam Prospektus Tambahan ini dalam bentuk dan konteks di mana nama-nama tersebut kelihatan telah diberi sebelum terbitan Prospektus Tambahan ini dan tidak ditarik balik.

**9. DOKUMEN-DOKUMEN TERSEDIA UNTUK PEMERIKSAAN**

Anda boleh memeriksa salinan dokumen-dokumen berikut di pejabat berdaftar kami pada waktu pejabat bagi tempoh 12 bulan dari tarikh Prospektus Tambahan ini:

- (i) surat kebenaran bertarikh 5 Julai 2017 daripada MOF kepada JCorp sebagaimana dirujuk dalam Seksyen 6.1 Prospektus Tambahan ini;
- (ii) Perjanjian Tambahan bertarikh 30 April 2018 diantara JCorp dan Larkin Sentral Property sebagaimana dirujuk dalam Seksyen 6.1 Prospektus Tambahan ini;
- (iii) Perjanjian Tambahan Kedua bertarikh 14 Mei 2018 diantara Promoter, JCorp dan Larkin Sentral Property sebagaimana dirujuk dalam Seksyen 6.1 Prospektus Tambahan ini; dan
- (iv) surat-surat kebenaran sebagaimana dirujuk dalam Seksyen 8 Prospektus Tambahan ini.

**10. PENYATA-PENYATA TANGGUNGJAWAB**

Para Pengarah dan Promoter kami telah melihat dan meluluskan Prospektus Tambahan ini. Mereka secara kolektif dan individu menerima tanggungjawab sepenuh bagi ketepatan maklumat yang terkandung dalam Prospektus Tambahan ini. Setelah membuat semua pertanyaan yang munasabah dan, dengan pengetahuan dan kepercayaan yang terbaik mereka, mereka mengesahkan tidak ada kenyataan palsu atau mengelirukan atau lain-lain fakta, sekiranya tertinggal, akan menjadikan mana-mana kenyataan dalam Prospektus Tambahan ini palsu atau mengelirukan.

**DOKUMEN INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN DAN HENDAKLAH DIBACA BERSAMA  
DENGAN PROSPEKTUS ASAL BERTARIKH 18 JUN 2017**

Maybank IB sebagai Penasihat Utama mengakui bahawa, berdasarkan semua maklumat yang sedia ada dan setakat pengetahuan dan kepercayaan terbaiknya, Prospektus Tambahan ini mengandungi pendedahan penuh dan benar akan semua fakta material berhubung dengan Penawaran kami.

Yang benar  
Bagi Pihak Lembaga Pengarah  
**LARKIN SENTRAL PROPERTY BERHAD**

**JAMALUDIN BIN MD ALI**  
**NAIB Pengerusi**